

# Internet teknologi TVWS lancarkan akses luar bandar

Oleh **Essa Abu Yamin** - Mac 5, 2022 @ 2:56pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)




Foto hiasan

**BATU PAHAT:** Inisiatif projek wi-fi dan internet percuma menggunakan teknologi Television White Space (TVWS) pertama di negara yang dilancarkan hari ini, membuktikan komitmen kerajaan memberi keselesaan internet untuk Keluarga Malaysia.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata pemasangan wi-fi percuma itu menjadi inisiatif tanggungjawab korporat syarikat universiti awam (UA) kepada masyarakat.

"Teknologi dibangunkan oleh UiTM Holdings dan rakan strategiknya itu akan memanfaatkan mahasiswa dan penduduk di kawasan luar bandar.

"Mereka memerlukan internet berkelajuan tinggi bagi aktiviti harian seperti sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR), perniagaan dan perkembangan Internet-of-Things (IoT)," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Noraini berkata, melalui penawaran wi-fi dan internet percuma menggunakan teknologi TVWS di lokaliti terpilih, kebergantungan pelan Jaringan Digital Negara (JENDELA) dapat dilaksanakan dengan lebih pantas hasil inisiatif UA di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Kawasan Taman Industri Seri Sulong di Parit Sulong telah terpilih sebagai lokasi pertama projek TVWS berkenaan.

"Teknologi TVWS menggunakan gelombang televisyen tersedia UHF dan UVF yang tidak digunakan oleh syarikat penyiaran untuk dimanfaatkan sebagai infrastruktur internet berkelajuan tinggi," katanya.

Noraini berkata, inisiatif sedemikian membuka peluang kepada komuniti sekitar memanfaatkan capaian internet luar bandar melalui frekuensi TVWS.

Pada masa sama, tegasnya, program bersesuaian yang memperkasakan komuniti dapat dirancang tanpa membabitkan kos besar berbanding infrastruktur internet lain.